



Buletin Suku Tahunan BNM

Jilid 38 No.1

S1

Suku Pertama 2023

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

Kandungan

3	Sorotan Penting
4	Persekitaran Ekonomi Antarabangsa
5	Perkembangan Ekonomi Malaysia
10	Perkembangan Monetari dan Kewangan
13	<i>Rencana: Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia bagi Mencapai Mandatnya</i>
24	Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia
26	Tinjauan Makroekonomi
28	Tambahan

Sorotan Penting bagi S1 2023

KDNK meningkat sebanyak 5.6%

Apakah faktor yang menyokong pertumbuhan?



Perbelanjaan isi rumah yang terus berkembang
Penggunaan Swasta: 5.9%



Aktiviti pelaburan yang berterusan
Pembentukan Modal Tetap Kasar: 4.9%



Peningkatan kemasukan pelancong asing
Eksport Bersih Barangan & Perkhidmatan: 54.4%

Inflasi keseluruhan menurun kepada 3.6% namun kekal tinggi

Apakah faktor yang mempengaruhi inflasi?



Harga komoditi global menurun
Tekanan harga yang lebih rendah, disebabkan terutamanya oleh inflasi bahan api yang menurun

Diimbangi sebahagiannya oleh



Inflasi sayur-sayuran segar yang lebih tinggi
Disebabkan oleh keadaan cuaca yang buruk

Pasaran pekerja terus bertambah baik



Guna Tenaga
16.1 juta
(S4 2022: 15.9 juta)



Upah Benar
0.9 %
(S4 2022: 1.7%)

Ringgit menambah nilai sedikit berbanding dengan dolar AS



MYR/USD
+0.1%
(S4 2022: +5.2%)



Indeks Dolar AS
-1.0%
(S4 2022: -7.7%)

Rencana: Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia bagi Mencapai Mandatnya

BNM mempunyai instrumen/kemudahan untuk:


- ✓ Mengekalkan mudah tunai harian yang mencukupi
- ✓ Membantu memenuhi keperluan mudah tunai yang mendesak
- ✓ Memastikan pasaran FX dan bon berfungsi dengan teratur

Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

Prestasi Ekonomi Global

Pertumbuhan global sederhana pada S1 2023


KDNK Ekonomi Terpilih
Perubahan tahunan, %



Sumber: Pihak berkuasa negara

Kebanyakan eksport ekonomi serantau mengalami penguncupan

Eksport Ekonomi Terpilih dalam Dolar AS
Perubahan tahunan, %



Sumber: Pihak berkuasa negara

Apakah perkembangan penting dalam ekonomi global?


- **Pertumbuhan global yang sederhana** didorong sebahagiannya oleh pemulihan kegiatan ekonomi di China. Pasaran pekerja yang berdaya tahan di AS dan kawasan euro juga menyokong pertumbuhan.
- **Penguncupan eksport serantau** mencerminkan permintaan global yang semakin perlahan, peralihan penggunaan yang berterusan daripada barangan kepada perkhidmatan serta pengurangan permintaan (*downturn*) dalam sektor E&E, khususnya untuk barangan elektronik pengguna.
- **Inflasi keseluruhan terus sederhana** berikutan harga komoditi yang semakin lemah dan keadaan rantai bekalan global yang semakin reda. Inflasi asas kekal tinggi, berikutan pasaran pekerja yang terus ketat, permintaan yang berdaya tahan, serta komponen terpilih yang tegar seperti sewa.
- **Harga minyak mentah Brent menunjukkan trend menurun** pada USD82 setong pada S1 2023 (S4 2022: USD90 setong) susulan bekalan minyak global yang bertambah baik secara beransur-ansur.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Keluaran Dalam Negeri Kasar

KDNK terus berkembang sebanyak 5.6% pada S1 2023


Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi berkembang sebanyak 0.9%

Perubahan suku tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Apakah faktor yang menyokong pertumbuhan tahunan?



Perbelanjaan isi rumah yang terus berkembang



Aktiviti pelaburan yang berterusan



Keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik



Aktiviti pelancongan yang lebih banyak

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Prestasi Ekonomi Malaysia

Permintaan dalam negeri yang semakin berkembang

Perubahan tahunan, %

Penggunaan Swasta



5.9%

(S4 2022: 7.3%)

Keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik dan langkah dasar seperti gaji minimum yang lebih tinggi dan bantuan wang tunai yang berterusan

Pelaburan Swasta



4.7%

(S4 2022: 10.3%)

Kapasiti syarikat yang terus berkembang dan aktiviti pembinaan yang lebih giat

Penggunaan Awam



-2.2%

(S4 2022: 3.0%)

Perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih rendah oleh Kerajaan

Pelaburan Awam



5.7%

(S4 2022: 6.0%)

Didorong terutamanya oleh perbelanjaan modal oleh syarikat awam

Eksport Bersih



54.4%

(S4 2022: 23.0%)

Aktiviti pelancongan yang semakin pulih

Sektor ekonomi utama terus berkembang

Perubahan tahunan, %

Perkhidmatan



7.3%

(S4 2022: 9.1%)

Perbelanjaan runcit yang lebih banyak, sektor pelancongan yang terus pulih, perkhidmatan harta tanah dan perniagaan yang bertambah baik

Perkilangan



3.2%

(S4 2022: 3.9%)

Pesanan kenderaan motor tertangguh yang dipenuhi dan pertumbuhan berterusan dalam pengeluaran E&E

Pembinaan



7.4%

(S4 2022: 10.1%)

Pelaksanaan projek pengangkutan dan utiliti besar yang berterusan, kerja peringkat akhir yang lebih banyak bagi projek-projek yang hampir siap

Perlombongan



2.4%

(S4 2022: 6.3%)

Prestasi sederhana dalam pengeluaran minyak mentah dan gas asli

Pertanian



0.9%

(S4 2022: 1.1%)

Peningkatan output minyak sawit dan ketibaan pekerja asing bagi sektor perladangan yang lebih tinggi melalui Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perkembangan Ekonomi Malaysia


Keadaan Pasaran Pekerja

Pasaran pekerja terus bertambah baik


- Kadar pengangguran terus bertambah baik didorong oleh pertumbuhan guna tenaga yang berterusan.
- Bekalan pekerja kekal menggalakkan berikutan kadar penyertaan tenaga kerja yang meningkat kepada 69.8% (S4 2022: 69.5%).

Kadar pengangguran semakin rendah

*Tahap guna tenaga,
Juta orang*




*Kadar pengangguran,
% daripada tenaga kerja*




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Upah sektor swasta terus berkembang

*Upah sektor swasta,
Perubahan tahunan, %*



*Pertumbuhan upah nominal mengikut sektor,
Perubahan tahunan, %*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia


Perkembangan Ekonomi Malaysia

Trend Inflasi

Inflasi teras menurun kepada 3.9% namun kekal tinggi sepanjang suku tersebut

Perubahan tahunan, %

- Inflasi teras yang kekal tinggi mencerminkan permintaan dalam negeri yang terus kukuh.



Item Perkhidmatan Teras Terpilih

Pembaikan dan penyelenggaraan pengangkutan persendirian



10.8%
(S4 2022: 13.8%)

Perkhidmatan telefon dan telefaks



-1.7%
(S4 2022: 0%)

Makanan di luar rumah



8.9%
(S4 2022: 9.5%)


Nota: Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi yang lebih meluas antara bulan Januari hingga Februari mencerminkan pelarasan lazim pada awal tahun

Bahagian Item IHP yang Mencatatkan Kenaikan Harga Bulan ke Bulan, %

- Hal ini sebahagiannya mencerminkan pelarasan harga yang lazimnya dibuat pada awal tahun serta kenaikan harga yang berterusan terutamanya untuk item berkaitan makanan.
- Bilangan item yang mencatatkan harga yang lebih tinggi pada bulan Mac berkurang.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Perkembangan Sektor Luaran

Pertumbuhan eksport dan import yang lebih perlahan



Eksport kasar

2.8% (S4 2022: 11.8%)

Permintaan luaran yang lebih lemah dan harga komoditi yang menurun

Import kasar

3.7% (S4 2022: 18.5%)

Import barangan pengantara yang lebih lemah disebabkan oleh eksport perkilangan dan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana

Lebih akaun semasa yang lebih kecil serta aliran keluar akaun kewangan yang lebih tinggi



Akaun Semasa

RM4.3 bilion; 1.0% daripada KDNK
(S4 2022: RM27.5 bilion; 5.9%
daripada KDNK)

Faktor yang Mendorong:

- Lebih barangan yang lebih kecil berikutan permintaan luaran yang menjadi sederhana.
- Defisit pendapatan primer yang lebih tinggi didorong oleh pendapatan pelaburan di luar negara yang lebih rendah.
- Akaun perkhidmatan terus berada dalam kedudukan defisit, mencerminkan defisit berterusan dalam akaun pengangkutan dan perkhidmatan perniagaan lain.



Akaun Kewangan

Aliran keluar bersih RM2.4 bilion
(S4 22: Aliran keluar bersih
RM1.1 bilion)

Faktor yang Mendorong:

- Portfolio aliran keluar bersih lebih tinggi berikutan penebusan sekuriti hutang mata wang asing yang telah matang oleh bukan pemastautin serta pelaburan portfolio luar negeri lebih tinggi oleh pemastautin.
- Aliran masuk bersih melalui pelaburan langsung disebabkan oleh aliran masuk bersih FDI yang berterusan dan DIA yang lebih rendah.
- Aliran masuk bersih pelaburan lain didorong oleh deposit sistem perbankan domestik oleh bukan pemastautin dan peminjaman antara bank yang lebih tinggi oleh bank-bank pemastautin.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri meningkat sedikit

RM1,168.7 bilion atau 64.5% daripada KDNK

(S4 2022: RM1,144.7 bilion atau 63.9% daripada KDNK)

- **Peminjaman antara bank yang lebih tinggi** untuk tujuan pemberian pinjaman di luar negeri secara berturut-turut dan pelaburan
- **Deposit yang lebih tinggi** yang ditempatkan sebahagiannya oleh entiti asing yang berkaitan

Hutang luar negeri kekal terurus

% daripada jumlah hutang luar negeri

Dalam denominasi Ringgit: 34.0%

Tidak terjejas oleh turun naik kadar pertukaran ringgit

Dalam denominasi mata wang asing: 66.0%

yang 67% daripadanya tertakluk pada keperluan kehematan dan pengawalseliaan BNM dan 15.1% adalah dalam bentuk pinjaman antara syarikat

MATA WANG

TEMPOH MATANG

Jangka sederhana dan panjang: 57.1%

Mengehadkan risiko pelanjutan

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa

RM84.5 bilion (S4 2022: RM54.2 bilion)

Rizab Antarabangsa* USD114.4 bilion

- **4.9** bulan** import barangan dan perkhidmatan
- **1.0 kali** hutang luar negeri jangka pendek

* Pada 28 April 2023.

** Paras ini berbeza daripada paras yang dinyatakan dalam siaran akhbar mengenai rizab antarabangsa kerana mencerminkan data terkini S1 2023 berhubung dengan import barangan dan perkhidmatan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia


Perkembangan Monetari dan Kewangan

Pasaran Kewangan dan Kadar Pertukaran

Ringgit menambah nilai sedikit berbanding dengan dolar AS

Didorong oleh peralihan sentimen berhubung dengan prospek ekonomi global

Prestasi Indeks Dolar AS dan Mata Wang Serantau Berbanding Dolar AS, % Suku Tahunan



Nilai ringgit secara amnya menurun berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama

NEER
-0.9%
(S4 2022: 0.7%)

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Keadaan kewangan domestik secara amnya kekal stabil



Kadar hasil bon menurun

sejajar dengan pergerakan kadar hasil bon global

Kadar Hasil MGS 10 Tahun
-16 mata asas
(S4 2022: -34 mata asas)



Pasaran ekuiti menurun

disebabkan oleh perolehan korporat global pada suku keempat tahun 2022 yang lebih lemah daripada jangkaan

KLCI
-4.9% suku tahun ke suku tahun
(S4 2022: +7.2%)

Faktor-faktor utama



Ketidakpastian tentang prospek ekonomi global berikutan tekanan yang dihadapi oleh sektor perbankan di beberapa ekonomi maju menyebabkan jangkaan yang bercampur-campur mengenai haluan dasar monetari global dan prospek perolehan korporat



Prospek pelabur bagi ekonomi pasaran sedang pesat membangun termasuk Malaysia kekal utuh kerana risiko penularan daripada episod tekanan yang dihadapi oleh sektor perbankan dalam ekonomi maju baru-baru ini dinilai sebagai terhad


Sumber: Bank Negara Malaysia, ETP dan Bursa Malaysia

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Kadar Faedah dan Mudah Tunai

Kadar antara bank menurun sedikit pada suku pertama tahun 2023

Kadar Faedah (pada akhir tempoh), %



- **Kadar antara bank menurun susulan** pelonggaran terhadap keadaan pasaran antara bank yang lebih ketat menjelang akhir tahun 2022.¹
- **ALR bagi pinjaman terkumpul menurun**, didorong oleh beberapa bank terpilih.²
- **Kadar FD secara amnya stabil** berikutan OPR yang tidak berubah.


¹ Disebabkan sebahagian besarnya oleh persaingan yang lebih tinggi bagi pembiayaan dalam kalangan bank menjelang akhir tahun untuk meningkatkan nisbah pengawalseliaan.

² Disebabkan pelarasan khusus bank terhadap kaedah pengiraan ALR berkuat kuasa bulan Januari 2023.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Mudah tunai sistem perbankan mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan

Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di BNM (pada akhir tempoh), RM bilion



- **Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi** pada peringkat institusi dan seluruh sistem.
- Tahap mudah tunai terkumpul yang ditempatkan di BNM meningkat sedikit pada akhir suku pertama berikutan aliran masuk portfolio bersih.
- Pada peringkat institusi, hampir semua bank mengekalkan kedudukan lebih mudah tunai dengan BNM pada akhir bulan Mac 2023.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan Monetari dan Kewangan


Keadaan Kredit

Pertumbuhan kredit menjadi sederhana berikutan bayaran balik pinjaman mengatasi pengeluaran pinjaman

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan¹

Sumbangan kepada pertumbuhan
(mata peratusan)

Perubahan tahunan (%)



¹ Terdiri daripada bon korporat terkumpul serta pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan isi rumah.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan utama

**Kredit kepada
Sektor Swasta
Bukan Kewangan**
4.2%²
(S4 2022: 4.7%)

- Pertumbuhan pinjaman terkumpul yang lebih perlahan (4.2%; S4 2022: 4.7%) berikutan pertumbuhan bayaran balik pinjaman (10.8%) mengatasi pengeluaran pinjaman (7.5%) merentas segmen.
- Bon korporat terkumpul juga berkembang pada kadar yang lebih sederhana (4.4%; S4 2022: 4.6%).

**Pinjaman
Perniagaan**
2.4%
(S4 2022: 3.4%)

- Pertumbuhan pinjaman yang sederhana didorong sebahagiannya oleh pertumbuhan bayaran balik pinjaman yang berterusan, dalam keadaan kos peminjaman yang lebih tinggi dan dijangka meningkat.
- Pertumbuhan pengeluaran pinjaman juga menjadi sederhana berbanding dengan asas yang lebih tinggi³ sebelum ini, meskipun tahapnya kekal jauh melebihi purata sebelum pandemik COVID-19.
- Pinjaman berkaitan pelaburan⁴ terus menggalakkan, terutamanya untuk PKS.

**Pinjaman
Isi Rumah**
5.2%
(S4 2022: 5.5%)

- Pertumbuhan pinjaman yang lebih perlahan bagi pembelian sekuriti.
- Pertumbuhan pinjaman bagi pembelian barangan bernilai tinggi⁵ kekal mampan dengan pertumbuhan yang lebih tinggi dicatatkan untuk pembelian kereta.

² Semua angka adalah dalam bentuk perubahan tahunan.

³ Berikutan syarikat mula meningkatkan penggunaan kemudahan kredit sedia ada untuk keperluan modal kerja sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

⁴ Terdiri daripada pinjaman bagi tujuan pembelian harta tanah bukan kediaman, harta tanah kediaman untuk kegunaan perniagaan, aset tetap dan pembinaan.

⁵ Terdiri daripada harta tanah kediaman, harta tanah bukan kediaman, dan kereta.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Rencana

Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia bagi Mencapai Mandatnya

Sorotan

- Rencana ini bertujuan memberikan gambaran keseluruhan mengenai instrumen Bank Negara Malaysia (Bank) untuk menguruskan mudah tunai dalam pelbagai bahagian sistem kewangan.
- Bagi memenuhi mandatnya, Bank akan melaksanakan operasi pasaran terbuka atau menggunakan kemudahan pendanaan yang bersesuaian, sama ada sebagai sebahagian daripada pengekalan mudah tunai harian yang mencukupi atau sebagai sebahagian daripada pengurangan keperluan mudah tunai mendesak sektor perbankan.



PENGENALAN

Pengurusan mudah tunai dalam sistem kewangan oleh Bank Negara Malaysia (Bank) boleh dikelaskan menggunakan dua kategori yang luas: Mudah tunai sistem perbankan (yang memberikan kesan terutamanya pada bahagian liabiliti kedudukan kewangan Bank) dan mudah tunai pasaran kewangan (yang memberikan kesan terutamanya pada bahagian aset kedudukan kewangan Bank).

Mudah tunai sistem perbankan ditakrifkan sebagai rizab atau baki yang dipegang oleh institusi kewangan dalam akaun mereka dengan Bank. Rizab ini digunakan untuk menyelesaikan pembayaran antara institusi kewangan, memenuhi keperluan rizab berkanun, memenuhi peraturan kehematan makro seperti nisbah perlindungan mudah tunai dan menyokong tahap penampakan awasan yang kukuh sebagai

sebahagian daripada pengurusan mudah tunai. Apabila institusi kewangan mempunyai rizab yang secukupnya untuk memenuhi pelbagai tuntutan tersebut, mudah tunai dianggap sebagai mencukupi.

Walau bagaimanapun, terdapat faktor luaran yang boleh mempengaruhi tahap mudah tunai dalam sistem perbankan. Faktor ini ialah transaksi yang bukan di bawah kawalan langsung Bank. Sebagai contoh, peningkatan jumlah mata wang dalam edaran semasa musim perayaan menunjukkan bahawa mudah tunai telah berkurang. Hal ini kerana institusi kewangan akan menukar rizab mereka dengan Bank untuk memenuhi pengeluaran mata wang kertas dan syiling oleh pelanggan. Sebaliknya, apabila Kerajaan membayar gaji atau manfaat, mudah tunai meningkat apabila rizab daripada akaun Kerajaan memasuki sistem perbankan.

Oleh itu, mudah tunai sistem perbankan boleh turun naik secara harian atau bermusim. Turun naik ini mungkin memerlukan Bank bertindak untuk memastikan mudah tunai kekal mencukupi bagi menyokong fungsi sistem perbankan yang cekap. Dalam hal ini, Bank mempunyai pelbagai kemudahan dalam instrumennya untuk menguruskan mudah tunai sistem perbankan. Kemudahan ini mempunyai fungsi saling berkait bagi mencapai matlamat kestabilan monetari atau kewangan. Bahagian pertama rencana ini akan memberikan penerangan lanjut tentang kemudahan tersebut dalam dua bahagian, iaitu kemudahan untuk peruntukan mudah tunai dan kemudahan untuk pelaksanaan dasar monetari.

Bahagian seterusnya dalam rencana ini mengetengahkan kemudahan dalam instrumen Bank untuk menyokong mudah tunai pasaran (atau mudah tunai perdagangan) dalam pasaran kewangan domestik, khususnya pasaran pertukaran asing (foreign exchange, FX) dan pasaran bon Kerajaan sekunder. Mudah tunai pasaran merupakan

Rencana

Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia bagi Mencapai Mandatnya

Perlu diambil maklum bahawa penggunaan kemudahan mudah tunai pasaran juga cenderung memberikan kesan langsung kepada tahap mudah tunai dalam sistem perbankan. Hal ini kerana operasi menguruskan mudah tunai pasaran dalam pasaran FX dan pasaran bon kerajaan melibatkan perubahan pada tahap aset dalam kunci kira-kira Bank. Perubahan ini menghasilkan peningkatan atau penurunan yang seiring dengan mudah tunai sistem perbankan (yang merupakan komponen utama liabiliti Bank). Contohnya, permintaan terhadap mata wang domestik akan meningkat dalam pasaran FX semasa episod aliran masuk modal. Bank Negara Malaysia seterusnya akan menawarkan mata wang domestik sebagai pertukaran untuk mata wang asing dalam pasaran FX. Hasilnya, mudah tunai sistem perbankan bertambah



BAHAGIAN 1(a) – MUDAH TUNAI SISTEM PERBANKAN: PERUNTUKAN MUDAH TUNAI

Menawarkan mudah tunai ke dalam sistem perbankan melalui operasi pasaran terbuka biasa, kemudahan yang terkandung dalam RENTAS dan kemudahan mudah tunai khas

Bank melaksanakan operasi pasaran terbuka biasa untuk memastikan keperluan mudah tunai sistem perbankan dipenuhi

Sebagai sebahagian daripada operasi perniagaannya, kedudukan mudah tunai sesebuah institusi kewangan boleh mengalami turun naik antara lebihan dengan defisit walaupun mudah tunai keseluruhan sistem perbankan dianggap mencukupi. Jika institusi kewangan memerlukan rizab tambahan untuk memenuhi keperluannya (iaitu institusi kewangan tersebut berada dalam kedudukan mudah tunai yang defisit), institusi kewangan itu boleh meminjam daripada institusi kewangan lain yang mempunyai lebihan rizab melalui pasaran antara bank.

Institusi kewangan juga boleh meminjam secara terus daripada Bank jika pemerolehan rizab melalui pasaran antara bank tidak tersedia atau kosnya terlalu tinggi. Hal ini mungkin disebabkan oleh wujudnya pergeseran yang menghalang pergerakan rizab antara institusi kewangan, atau mudah tunai dalam keseluruhan sistem perbankan tidak mencukupi.

Instrumen Bank untuk menyuntik mudah tunai ke dalam sistem perbankan ditawarkan terutamanya pada asas semalaman atau jangka pendek. Sebagai contoh, Bank melaksanakan perjanjian pembelian semula berbalik (repo berbalik) bertempoh dan swap FX bagi menyediakan mudah tunai tambahan kepada institusi kewangan, masing-masing sebagai pertukaran dengan sekuriti yang layak dan aset mata wang asing. Apabila wujud keperluan untuk meningkatkan tahap mudah tunai pada jangka panjang, Bank juga boleh melaksanakan pembelian sekuriti Kerajaan dalam pasaran sekunder daripada institusi kewangan secara terus untuk meningkatkan jumlah rizab dalam sistem perbankan. Transaksi seperti ini tidak dianggap sebagai pembiayaan defisit dan jarang-jarang dilakukan menerusi pasaran sekunder untuk menyelaraskan jumlah mudah tunai sistem perbankan. Pada masa ini, pemegangan Bank adalah kurang 1.2% daripada jumlah sekuriti Kerajaan terkumpul.

Walaupun Bank bersedia untuk menyediakan mudah tunai apabila diperlukan, Bank juga mahu menggalakkan aktiviti antara bank yang didorong pasaran. Bank-bank pusat seharusnya dianggap hanya sebagai pemberi pinjaman usaha akhir, dan dalam konteks ini, instrumen pinjaman Bank lazimnya mempunyai kos yang tinggi. Selain itu, bagi memastikan instrumen ini sentiasa tersedia untuk pelbagai institusi kewangan dengan kebolehpercayaan kredit yang berbeza pada kadar tunggal, pemberian pinjaman dilakukan dengan jaminan cagaran yang telah ditetapkan, berkualiti tinggi, dan sangat mudah dcairkan.

Rencana

Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia bagi Mencapai Mandatnya

Jadual 1: Kemudahan di bawah Operasi Pasaran Terbuka Biasa (Suntikan Mudah Tunai)

Kemudahan/ Instrumen	Repo berbalik bertempoh	Swap FX (Jual/ Beli Mata Wang Asing)	Pembelian MGS/ MGII Secara Terus
Tempoh	Sehingga 1 tahun	Varies	N/A
Pencetus/ Kekerapan	Lelongan berkala	As needed	As needed
Kadar	Ditentukan oleh pasaran		
Peserta yang Layak	Bank berlesen di bawah FSA/IFSA ¹		
Cagaran yang Layak	Cagaran layak yang biasa ²	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan

Instrumen peruntukan mudah tunai dalam sistem pembayaran RENTAS bagi memastikan penyelesaian yang tepat pada masanya

Bank Negara Malaysia mengendalikan sistem pembayaran RENTAS yang digunakan untuk penyelesaian kasar pemindahan rizab antara institusi kewangan pada masa nyata. Memandangkan pembayaran ini selalunya bernilai besar dan mempunyai kekerapan yang tinggi, Bank turut membangunkan kemudahan peruntukan mudah tunai dalam sistem RENTAS untuk memastikan penyelesaian yang tepat pada masanya dan boleh dipercayai. Contoh kemudahan tersebut ialah Kemudahan Kredit Intrahari (Intraday Credit Facility, ICF) yang menyediakan talian kredit dua hala antara institusi kewangan dengan Bank untuk memastikan baki rizab mencukupi untuk menyelesaikan pembayaran dalam tempoh satu hari. Satu lagi kemudahan ialah Kemudahan Pendanaan Semalaman Berkolateral Secara Automatik (Auto-Collateralised Overnight Funding Facility, ACOFF).

¹ FSA – Akta Perkhidmatan Kewangan 2013; IFSA – Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

² Cagaran layak yang biasa ialah sekuriti yang diterima di bawah Kemudahan Tersedia Bank. Senarai penuh cagaran ini boleh didapati dalam Policy Document on Standing Facilities yang diterbitkan oleh Bank pada 30 Julai 2020.

Berbeza daripada ICF, ACOFF menyediakan talian kredit semalaman melalui Jendela Penyelesaian Waktu Petang MYR (MYR Evening Settlement Window) dan diberikan melalui penjualan sekuriti yang dicagarkan secara terus untuk pendanaan.

Jadual 2: Kemudahan Peruntukan Mudah Tunai yang Diterap dalam RENTAS

Kemudahan/ Instrumen	Kemudahan Kredit Intrahari (ICF)	Kemudahan Pendanaan Semalaman Berkolateral Secara Automatik (ACOFF)
Tempoh	Intrahari	Semalaman
Pencetus/ Kekerapan	Automatik (menggunakan akaun K dalam RENTAS)	
Kadar	Tiada caj jika diselesaikan sebelum tamat tempoh transaksi	OPR+25 mata asas
Peserta yang Layak	Bank berlesen di bawah FSA/IFSA	
Cagaran yang Layak	Cagaran layak yang biasa	

Bank Negara Malaysia bersedia untuk menyediakan akses kepada kemudahan mudah tunai khas sebagai sebahagian daripada mandat kestabilan kewangannya

Berikutan pembaharuan Basel III, Bank memperkenalkan keperluan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) untuk memastikan institusi kewangan memegang aset mudah tunai berkualiti tinggi (high-quality liquid assets, HQLA) yang mencukupi untuk menghadapi senario tekanan mudah tunai yang teruk dalam tempoh 30 hari. Apabila institusi kewangan perlu meningkatkan nisbah LCR mereka semasa tempoh tekanan pasaran, Kemudahan Mudah Tunai Keterikatan Terhad (Restricted Committed Liquidity Facility, RCLF) membenarkan institusi kewangan mengubah sementara aset

Rencana

Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia bagi Mencapai Mandatnya

bukan HQLA mereka kepada HQLA Tahap 2B³ bagi memudahkan pematuhan institusi terhadap nisbah kawal selia pada kos yang lebih berpatutan berbanding dengan mengakses pasaran.

Institusi kewangan boleh menggunakan RCLF dengan Bank secara dua hala dengan cara membayar Fi Kemudahan bulanan, yang pada masa ini ditetapkan pada 75 mata asas setahun. Sejak diwujudkan sehingga kini, kemudahan ini tidak pernah digunakan kerana institusi kewangan berupaya mengekalkan paras LCR jauh melebihi keperluan minimum iaitu sebanyak 100%. LCR sistem perbankan berada pada 157% pada bulan Mac 2023 (purata bulanan pada tahun 2022: 149%).

Selaras dengan mandat kestabilan kewangan Bank, Bank turut diberi kuasa di bawah Seksyen 32 Akta Bank Negara Malaysia 2009 untuk menyediakan bantuan mudah tunai kepada mana-mana institusi kewangan, bagi tujuan mengelakkan atau mengurangkan risiko kestabilan kewangan. Peruntukan ini membolehkan Bank mengurangkan dan mencegah risiko masalah mudah tunai idiosinkratik yang sebenar atau yang ditanggap, daripada menjejaskan institusi kewangan yang kukuh atau berdaya maju dan seterusnya menimbulkan risiko kepada keseluruhan kestabilan kewangan.

Bantuan mudah tunai hanya boleh diberikan kepada institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank dan entiti sistemik⁴ yang tidak dikawal selia oleh Bank yang berdaya maju. Entiti sistemik yang

tidak dikawal selia oleh Bank dinilai mengikut kes dan perlu diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan (Financial Stability Executive Committee)⁵ berdasarkan penilaian kesan nyata entiti tersebut kepada kestabilan kewangan yang lebih luas.

Bantuan mudah tunai adalah dalam bentuk pemberian pinjaman bercagar. Bank boleh memberikan pinjaman dengan pelbagai cagaran berserta pengurangan nilai aset yang dicagarkan (*haircut*) yang bersesuaian serta tertakluk pada syarat-syarat yang bertujuan untuk meminimumkan bahaya moral, mengurangkan kemungkinan gangguan pasaran dan mengelakkan penularan dalam sistem kewangan.

Institusi yang telah diberikan bantuan mudah tunai seperti ini juga tertakluk pada penelitian penyeliaan yang lebih rapi bagi mengurangkan risiko kredit terhadap Bank serta menggalakkan institusi tersebut pulih dengan pantas.

³ Aset untuk dimasukkan dalam stok HQLA boleh dibahagikan kepada aset Tahap 1, Tahap 2A dan Tahap 2B. HQLA Tahap 2B tertakluk pada had tidak melebihi 15% daripada jumlah HQLA yang dipegang oleh sesebuah bank.

⁴ Institusi sistemik ialah institusi yang boleh menjejaskan kestabilan kewangan jika mengalami kesukaran atau kegagalan secara tidak teratur.

⁵ FSEC terdiri daripada enam ahli, yang sebahagian besarnya merupakan ahli bukan eksekutif yang bebas daripada Pengurusan Bank. FSEC bermesyuarat secara berkala dan menyokong mandat berkanun Bank untuk memelihara kestabilan kewangan melalui kuasanya untuk membuat keputusan tentang langkah-langkah dasar tertentu yang boleh diambil oleh Bank bagi mengelakkan atau mengurangkan risiko terhadap kestabilan kewangan.

Rencana

Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia bagi Mencapai Mandatnya

Jadual 3: Kemudahan Mudah Tunai Khas

Kemudahan/ Instrumen	Kemudahan Mudah Tunai Keterikatan Terhad (RCLF)	Bantuan Mudah Tunai Kecemasan
Tempoh	Setelah dipersetujui, kemudahan akan tersedia selama minimum 1 bulan dan boleh dilanjutkan mengikut keperluan	Mengikut budi bicara (ditentukan oleh Bank)
Pencetus/Kekerapan	Melalui permohonan daripada institusi kewangan (perjanjian dua hala dengan Bank)	Mengikut budi bicara (dicetuskan oleh Bank)
Kadar	OPR+25 mata asas bagi setiap pengeluaran, dan tambahan 75 mata asas daripada saiz RCLF yang dipersetujui untuk mewujudkan kemudahan	Ditentukan oleh Bank
Peserta yang Layak	Bank berlesen di bawah FSA/IFSA	Bank berlesen di bawah FSA/IFSA Bank yang dikawal selia di bawah DFIA ⁷ Institusi sistemik lain yang tidak dikawal selia oleh BNM
Cagaran yang Layak	Cagaran yang layak dan biasa serta diperluas ⁶	

⁶ Khusus untuk RCLF, cagaran yang layak serta diperluas hanya merujuk sekuriti tanpa skrip yang tidak dirangkumkan dalam cagaran yang layak dan biasa

⁷ DFIA – Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.



BAHAGIAN 1(b) – MUDAH TUNAI SISTEM PERBANKAN: PELAKSANAAN DASAR MONETARI

Menguruskan mudah tunai dalam sistem perbankan melalui operasi pasaran terbuka biasa, keperluan rizab berkanun dan kemudahan tersedia bagi memastikan kadar antara bank semalaman tanpa cagaran didagangkan hampir pada kadar dasar Bank

Bank Negara Malaysia mengenakan keperluan rizab berkanun untuk menguruskan tahap lebih mudah tunai dalam sistem perbankan

Keperluan rizab berkanun (statutory reserve requirement, SRR) ialah instrumen pengurusan mudah tunai untuk mempengaruhi tahap lebih rizab dalam sistem perbankan. Berdasarkan keadaan mudah tunai pasaran semasa, institusi kewangan dikehendaki mengasingkan sejumlah baki rizab mereka dengan Bank ke dalam Akaun Rizab Berkanun (Statutory Reserve Account, SRA) mereka dalam RENTAS pada kadar SRR. Baki ini tidak diberikan imbuhan. Kadar SRR yang bersamaan dengan sebahagian liabiliti layak institusi kewangan kali terakhir dikurangkan pada bulan Mac 2020 sebanyak 100 mata asas kepada 2% dan masih kekal sehingga kini. Pada akhir bulan Mac 2023, baki SRR berjumlah RM34.2 bilion, iaitu 20.5% daripada jumlah mudah tunai dalam sistem perbankan.

Rencana

Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia bagi Mencapai Mandatnya


Bank Negara Malaysia boleh menyuntik dan menyerap mudah tunai sebagai sebahagian daripada pelaksanaan dasar monetari melalui operasi pasaran terbuka biasa

Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia bermesyuarat enam kali setahun dan membuat keputusan tentang Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR). OPR ialah kadar faedah dasar Bank yang antara lain mempengaruhi kadar pinjaman dan pembiayaan serta kadar deposit.

Perubahan dalam OPR merupakan penunjuk tunggal pendirian dasar monetari Bank, yang bertujuan untuk menggalakkan kestabilan monetari yang kondusif kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan.

Dari segi operasi, OPR merupakan matlamat dasar terdekat yang perlu disalurkan kepada ekonomi oleh Bank. Bank melaksanakan hal ini dengan memandu dagangan kadar antara bank semalaman tanpa cagaran supaya hampir dengan nilai OPR. Hal ini dicapai dengan melaraskan tahap mudah tunai sistem perbankan yang berada di bawah kawalan langsung Bank agar Bank dapat mencapai objektif kestabilan monetarinya. Jika wujud defisit mudah tunai dalam keseluruhan sistem, kadar antara bank semalaman tanpa cagaran berkemungkinan akan didagangkan lebih tinggi daripada OPR tanpa operasi pasaran terbuka. Sebaliknya, jika mudah tunai sistem perbankan berada dalam kedudukan lebihan, institusi kewangan tidak mempunyai dorongan untuk berdagang rizab antara satu sama lain. Keadaan ini akan menghasilkan kadar antara bank semalaman tanpa cagaran yang lebih rendah daripada OPR.

Rajah 1: Ilustrasi operasi pelarasan mudah tunai Bank untuk mempengaruhi kadar antara bank supaya didagangkan hampir kepada kadar dasar Bank



Rencana

Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia bagi Mencapai Mandatnya

Dengan itu, Bank berusaha untuk menguruskan mudah tunai sistem perbankan melalui instrumen suntikan dan penyerapan mudah tunai. Kebanyakan instrumen tersebut mempunyai kesan sementara ke atas mudah tunai, iaitu Bank hanya menyuntik/menyerap mudah tunai untuk tempoh tetap sebelum kemudahan tersebut mencapai tempoh matangnya kemudian. Sebagai contoh, Bank boleh melaksanakan tender berjangka pasaran wang tanpa cagaran untuk mengalihkan mudah tunai daripada sistem perbankan. Julat tempoh matang tender berjangka Bank adalah antara semalaman hingga maksimum enam bulan, bergantung pada keadaan pasaran dan profil tempoh matang penempatan terkumpul. Selain tender tetap, Bank juga menjalankan Lelongan Julat Tempoh Matang (Range Maturity Auctions, RMA), iaitu institusi kewangan boleh memilih tarikh matang untuk penempatan mudah tunai dengan Bank berbanding menggunakan julat tempoh yang telah ditetapkan oleh Bank.

Meskipun tender semalaman dan tender berjangka tanpa cagaran dan merupakan instrumen utama Bank untuk menyerap mudah tunai pada masa ini, Bank juga mengeluarkan sekuritinya sendiri bagi tujuan yang sama. Pada bulan Disember 2006, Bank memperkenalkan Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN), yang menggantikan versi sebelumnya yang dipanggil Bil Bank Negara (Bank Negara Bills, BNB). Pada bulan November 2017, Bank mula mengeluarkan Bil Antara Bank BNM (Bank Negara Interbank Bills, BNIB), versi BNMN yang hanya tersedia dan boleh didagangkan dalam kalangan bank berlesen dengan tujuan untuk meningkatkan pengantaraan mudah tunai dalam pasaran wang antara bank. BNIB diterbitkan dengan tempoh antara 3 bulan hingga 1 tahun. Terbitan dan penetapan harga sekuriti ini membentuk komponen utama untuk membina keluk pasaran wang jangka pendek, membantu institusi kewangan menguruskan kedudukan mudah tunai mereka untuk tempoh yang berbeza-beza dan membantu memenuhi keperluan aset mudah tunai institusi kewangan.

Apabila terdapat keperluan untuk mengeluarkan mudah tunai daripada sistem perbankan secara lebih berterusan disebabkan oleh tahap mudah tunai keseluruhan dalam sistem perbankan yang berlebihan, Bank juga boleh menjual secara terus sekuriti milik Bank yang sesuai iaitu sekuriti yang diterbitkan oleh Kerajaan, bagi mengurangkan tahap mudah tunai dalam sistem perbankan.

Jadual 4: Kemudahan di bawah Operasi Pasaran Terbuka Biasa (Penyerapan Mudah Tunai)

Kemudahan/ Instrumen	Tender bertempoh tanpa cagaran	Bil Antara Bank BNM (BNIB) – Mata Wang Tempatan	Jualan MGS/MGII secara terus
Tempoh	Semalaman sehingga 6 bulan -Tetap -Ditentukan oleh institusi kewangan (Lelongan Julat Tempoh Matang)	1 bulan hingga 1 tahun	Tidak berkenaan
Pencetus/ Kekerapan	Semalaman, mingguan	Mengikut keperluan	Mengikut keperluan
Kadar	Ditentukan oleh pasaran		
Peserta yang Layak	Bank berlesen di bawah FSA/IFSA	Hanya tersedia dan boleh didagangkan dalam kalangan bank berlesen di bawah FSA/IFSA	Bank berlesen di bawah FSA/IFSA

Rencana

Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia bagi Mencapai Mandatnya


Bank Negara Malaysia juga mentadbir kemudahan semalaman tersedia, iaitu koridor kadar faedah yang mengukuhkan OPR

Bagi memastikan kadar antara bank semalaman tanpa cagaran didagangkan dalam julat nilai yang ditetapkan lebih awal dalam lingkungan OPR, Bank melaksanakan kemudahan semalaman tersedia. Kemudahan tersedia ini pada asasnya ialah koridor yang membentuk kadar tertinggi dan kadar terendah masing-masing bagi kemudahan deposit dan kemudahan pemberian pinjaman yang disediakan oleh Bank. Institusi kewangan tahu tentang kewujudan koridor ini, dengan kadar tertinggi ditetapkan pada 25 mata asas melebihi OPR dan kadar terendah ditetapkan pada 25 mata asas kurang daripada OPR. Penggunaan kemudahan tersedia berfungsi sebagai pilihan akhir sekiranya lebihan atau defisit mudah tunai berlaku menjelang akhir hari disebabkan faktor luar jangka yang tidak dapat diatasi oleh urus niaga pasaran wang biasa. Maka, julat koridor sebanyak 50 mata asas ini menggalakkan dagangan aktif antara peserta pasaran kerana mereka cuba mengelak daripada melakukan transaksi dengan Bank pada kadar yang tinggi pada penghujung hari dagangan.

Jadual 5: Julat Koridor Kemudahan Semalaman Tersedia

Kemudahan/ Instrumen	Kemudahan deposit tersedia	Kemudahan repo berbalik tersedia
Tempoh	Semalaman	
Pencetus/Kekerapan	Harian	
Kadar	OPR – 25 mata asas	OPR + 25 mata asas
Peserta yang Layak	Bank berlesen di bawah FSA/IFSA Bank yang dikawal selia di bawah DFIA	
Cagaran yang Layak	Tidak berkenaan	Cagaran layak yang biasa

Rajah 2: Jadual Harian Operasi Pasaran Terbuka Biasa Bank Negara Malaysia



Rencana

Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia bagi Mencapai Mandatnya



BAHAGIAN 2(a) – MUDAH TUNAI PASARAN: PASARAN PERTUKARAN ASING

Menyediakan mudah tunai mata wang asing melalui operasi dalam pasaran pertukaran asing domestik dan mewujudkan pengaturan swap dua hala/berbilang hala

Sebagai tambahan kepada kemudahan mudah tunai untuk sistem perbankan, Bank juga mempunyai kemudahan untuk memastikan keadaan pasaran pertukaran asing domestik yang teratur

Berikutan penyepaduan perdagangan dan kewangan Malaysia dengan ekonomi global yang mendalam, pemegangan rizab antarabangsa adalah sangat penting sebagai alat yang boleh digunakan untuk melindungi ekonomi dalam negeri daripada kejutan berlebihan yang disebabkan oleh perkembangan di dalam atau di luar negeri. Sebagai contoh, semasa episod volatiliti pasaran yang tinggi yang didorong oleh aliran modal yang beralih arah, Bank mungkin bertindak mengikut keperluan untuk menyokong mudah tunai pasaran pertukaran asing domestik atau untuk mengurangkan volatiliti yang berlebihan dalam ringgit Malaysia dengan menjual mata wang asing secara terus kepada pasaran. Intervensi ini selaras dengan rejim kadar pertukaran Malaysia yang fleksibel yang membolehkan pelarasan makroekonomi yang diperlukan berlaku secara teratur.

Selain transaksi secara terus, Bank juga menggunakan swap pertukaran asing untuk menguruskan mudah tunai dolar AS dalam

pasaran pertukaran asing domestik. Bergantung pada keadaan mudah tunai, Bank akan menggunakan swap pertukaran asing untuk menyerap atau menyuntik mudah tunai dalam tempoh sementara, sama ada dalam ringgit Malaysia atau mata wang asing. Instrumen lain yang digunakan oleh Bank untuk menguruskan mudah tunai mata wang asing di dalam negeri ialah Bil Antara Bank BNM dalam mata wang asing, yang boleh diterbitkan dalam dolar AS dan hanya boleh didagangkan dalam kalangan peserta pasaran antara bank.

Selain itu, Bank mempunyai akses kepada pengaturan swap dua hala dan pelbagai hala untuk menguruskan permintaan mata wang asing yang berbeza-beza bagi pasaran kewangan tempatan. Bank telah mewujudkan akses kepada Foreign and International Monetary Authorities (FIMA) Repo Facility milik Federal Reserve AS, yang bertindak sebagai sumber tambahan mudah tunai dolar AS terutamanya semasa tempoh volatiliti yang lebih tinggi dalam pasaran pertukaran asing global. Bank Negara Malaysia juga telah menyediakan talian swap mata wang asing dengan bank-bank pusat serantau yang membolehkan Bank mendapatkan mata wang asing bagi memenuhi permintaan dalam pasaran pertukaran asing domestik. Penyertaan Bank dalam kerjasama pelbagai hala juga telah menghasilkan beberapa inisiatif seperti Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai dan Talian Repo Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP). Baru-baru ini, Bank telah menyertai perjanjian pengumpulan rizab Renminbi Liquidity Arrangement (RMBLA) Bank for International Settlements dalam kalangan beberapa bank pusat di Asia Pasifik.

Rencana

Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia bagi Mencapai Mandatnya

Jadual 6: Kemudahan untuk Meningkatkan Mudah Tunai Pasaran Pertukaran Asing

Kemudahan/ Instrumen	Transaksi mata wang asing secara terus	Swap Pertukaran Asing
Tempoh	Spot dan jualan hadapan	Pelbagai
Pencetus/ Kekerapan	Mengikut keperluan	
Kadar	Ditentukan oleh pasaran	
Peserta yang Layak	Rakan niaga ⁸ yang layak	Bank berlesen di bawah FSA/IFSA
Cagaran yang Layak	Tidak berkenaan	

Jadual 6 (sambungan): Kemudahan untuk Meningkatkan Mudah Tunai Pasaran Pertukaran Asing

Kemudahan/ Instrumen	Bil Antara Bank BNM – Mata Wang Asing	Pengaturan swap dan repo dengan bank pusat asing
Tempoh	1 bulan hingga 1 tahun	Pelbagai
Pencetus/ Kekerapan	Mengikut keperluan	
Kadar	Ditentukan oleh pasaran	Pelbagai
Peserta yang Layak	Hanya tersedia dan boleh didagangkan dalam kalangan bank berlesen di bawah FSA/IFSA	Tidak berkenaan
Cagaran yang Layak	Tidak berkenaan	Pelbagai

⁸ Rakan niaga yang diluluskan operasi FX-nya oleh Bank, berdasarkan kuasa yang ditetapkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 bagi tujuan mengekalkan kecekapan dan keberkesanan fungsi rejim kadar pertukaran dan pasaran FX



BAHAGIAN 2(b) – MUDAH TUNAI PASARAN KEWANGAN: PASARAN BON KERAJAAN SEKUNDER

Meningkatkan mudah tunai dalam pasaran sekunder bon kerajaan melalui repo bon

Bank Negara Malaysia melaksanakan operasi repo untuk meningkatkan mudah tunai pasaran sekunder bagi bon kerajaan

Dalam usaha untuk meningkatkan mudah tunai dalam pasaran bon sekunder Malaysia, Bank menjalankan operasi belian semula untuk membekalkan bon terbitan lama yang tidak cair (*illiquid, off-the-run*) kepada pasaran bon sekunder. Bon ini lazimnya berasal daripada pemegangan Bank sendiri tetapi boleh juga diperoleh daripada Institutional Securities Custodian Programme (ISCAP). ISCAP menyokong matlamat strategik Bank untuk meningkatkan mudah tunai pasaran bon menerusi pelepasan bon yang biasanya dipegang sehingga sampai tempoh matang oleh pelabur institusi dan institusi kewangan. Di bawah ISCAP, peserta (yang lazimnya merupakan pelabur institusi domestik jangka panjang) boleh memilih untuk meminjamkan set bon kerajaan yang telah ditetapkan lebih awal (pemberian pinjaman tanpa cagaran) kepada Bank sebagai pertukaran untuk fi pemberian pinjaman. Bank kemudiannya akan meminjam sekuriti ini dan menggunakannya sebagai sebahagian daripada operasi repo untuk meningkatkan mudah tunai pasaran dalam pasaran bon kerajaan.

Rencana

Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia bagi Mencapai Mandatnya



KESIMPULAN

Bank Negara Malaysia telah menetapkan rangka kerja dalam yang jelas serta menjalankan pengawasan yang berterusan bagi memastikan pengurusan mudah tunai yang berkesan

Bank Negara Malaysia terus mengembangkan dan memantapkan keupayaan pengawasan dan penyelidikannya bagi memastikan mudah tunai kekal mencukupi bagi pengantaraan yang berkesan. Sebagai sebuah ekonomi terbuka dengan jalinan sektor benar dan pasaran kewangan yang meluas dengan seluruh dunia, Malaysia terdedah kepada perkembangan global, termasuk kitaran ekonomi dan tekanan pendanaan dari luar negara. Oleh itu, aliran modal boleh menjadi besar dan tidak menentu, dan keupayaan pasaran kewangan mengawal aliran modal tersebut secara berkesan bertindak sebagai penyerap kejutan untuk melindungi ekonomi benar.

Pelbagai instrumen mudah tunai yang dimiliki oleh Bank membolehkan tindak balas yang berkesan terhadap keperluan dan tekanan mudah tunai dalam sistem kewangan, sama ada yang berpunca daripada perkembangan sesebuah institusi kewangan atau sistem kewangan secara lebih meluas. Penggunaan instrumen pengurusan mudah tunai ditadbir oleh prosedur operasi, rangka kerja untuk membuat keputusan dan bidang kuasa yang mantap bagi memelihara disiplin pasaran serta menguruskan risiko kewangan yang dihadapi oleh Bank.

Rujukan

Adrian T., Laxton D., Obstfeld M. (2018). "Advancing the Frontiers of Monetary Policy". Tabung Kewangan Antarabangsa.

Bank Negara Malaysia (2021). "Membina Penampan: Peranan dan Fungsi Rizab Antarabangsa Bank Negara Malaysia." Laporan Tahunan BNM 2020.

McLeay M., Radia A., Thomas R. (2014). "Money Creation in the Modern Economy". Bank of England Quarterly Bulletin Q1 2014.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

Sorotan

- Selepas mengekalkan paras Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada mesyuarat bulan Januari dan Mac 2023, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) menilai bahawa kini adalah masa yang tepat untuk terus mengembalikan tahap akomodasi monetari ke paras yang wajar.
- Pada paras OPR semasa iaitu 3.00%, pendirian dasar monetari kekal agak akomodatif dan terus menyokong pertumbuhan ekonomi.



Berikutan prospek pertumbuhan dalam negeri yang berdaya tahan, MPC terus mengembalikan tahap akomodasi ke paras yang wajar

Pada mesyuarat MPC bulan Januari dan Mac 2023, MPC telah membuat keputusan untuk mengekalkan OPR bagi menilai kesan pelarasan OPR yang lepas secara kumulatif. Pada mesyuarat bulan Mei 2023, memandangkan prospek pertumbuhan dalam negeri yang terus berdaya tahan, MPC menilai bahawa kini adalah masa yang tepat untuk terus mengembalikan tahap akomodasi monetari ke paras yang wajar.

MPC menilai bahawa ekonomi global terus didorong oleh keadaan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan dengan sokongan keadaan pasaran pekerja yang teguh serta pemulihan ekonomi China yang lebih kukuh daripada jangkaan. Walau bagaimanapun, ekonomi global terus terjejas oleh tekanan kos yang tinggi dan kadar faedah yang lebih

tinggi. Inflasi keseluruhan terus menurun namun inflasi teras kekal melebihi purata yang pernah dicatatkan sebelum ini. Pendirian dasar monetari bagi kebanyakan bank pusat dijangka kekal ketat. Prospek pertumbuhan global terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan, terutamanya disebabkan oleh ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, inflasi sebenar yang lebih tinggi daripada jangkaan dan keadaan pasaran kewangan yang menjadi ketat secara ketara termasuk berikutan tekanan yang berterusan dalam sektor perbankan.

Bagi ekonomi Malaysia, perkembangan terkini menunjukkan bahawa kegiatan ekonomi berkembang selanjutnya pada suku pertama tahun 2023 selepas mencatatkan prestasi kukuh pada tahun 2022. Meskipun eksport dijangka menjadi sederhana, pertumbuhan pada tahun 2023 akan didorong oleh permintaan dalam negeri. Perbelanjaan isi rumah kekal berdaya tahan, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang lebih baik memandangkan pengangguran terus menurun ke tahap sebelum pandemik. Ketibaan pelancong yang meningkat dijangka menggiatkan aktiviti berkaitan pelancongan. Projek infrastruktur berbilang tahun yang terus dilaksanakan akan menyokong aktiviti pelaburan. Keadaan kewangan domestik juga terus kondusif untuk pengantaraan kewangan tanpa tanda-tanda pengetatan berlebihan yang mempengaruhi aktiviti penggunaan dan pelaburan. Risiko prospek pertumbuhan dalam negeri secara relatif seimbang. Risiko pertumbuhan menjadi lebih tinggi berpunca terutamanya daripada faktor-faktor dalam negeri seperti aktiviti pelancongan yang lebih kukuh daripada jangkaan serta pelaksanaan projek termasuk projek yang dinyatakan dalam pembentangan semula Belanjawan 2023, manakala risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan berpunca daripada pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan dan keadaan pasaran kewangan global yang semakin tidak menentu.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

Seperti yang dijangka, inflasi keseluruhan menunjukkan trend menurun pada bulan-bulan kebelakangan ini disebabkan oleh faktor kos yang menurun. Inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka menjadi sederhana sepanjang tahun 2023, berpurata antara 2.8% hingga 3.8%. Walau bagaimanapun, inflasi teras akan kekal pada paras tinggi berikutan keadaan permintaan yang kukuh. Kawalan harga dan subsidi bahan api yang sedia ada akan terus membendung sebahagian daripada tekanan inflasi yang meningkat. Imbangan risiko terhadap prospek inflasi cenderung ke arah inflasi menjadi lebih tinggi dan terus bergantung pada sebarang perubahan pada dasar dalam negeri termasuk mengenai subsidi dan kawalan harga, perkembangan pasaran kewangan serta harga komoditi global.

Berikutan keputusan untuk terus mengembalikan tahap akomodasi monetari ke paras yang wajar, MPC telah mengakhiri rangsangan monetari yang bertujuan untuk menangani krisis COVID-19 bagi menggalakkan pemulihan ekonomi. Susulan kekukuhan ekonomi Malaysia yang berterusan, MPC juga mengakui perlunya pendirian dasar monetari yang wajar bagi mengelakkan risiko ketidakseimbangan kewangan pada masa hadapan. Pada tahap OPR semasa, pendirian dasar monetari kekal agak akomodatif dan terus menyokong ekonomi. MPC akan terus memastikan pendirian dasar monetari kekal konsisten dengan prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

Bahagian ini sengaja dibiarkan kosong

Tinjauan Makroekonomi



Pertumbuhan global akan lebih perlahan pada tahun 2023

Prospek global yang mencabar dan tidak menentu

Ekonomi global dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan pada tahun 2023. Beberapa faktor positif seperti pembukaan semula China, pasaran pekerja yang berdaya tahan, keadaan rantai bekalan yang semakin reda, dan pemulihan dalam aktiviti perkhidmatan khususnya pelancongan akan menyokong pertumbuhan. Walau bagaimanapun, terdapat rintangan daripada inflasi yang tinggi dan dasar monetari yang lebih ketat berikutan sokongan daripada pembukaan semula kebanyakan ekonomi yang semakin berkurang. Episod tekanan yang dihadapi oleh sektor perbankan di beberapa ekonomi maju baru-baru ini juga dijangka sedikit sebanyak memberikan kesan negatif kepada pertumbuhan. Hal ini didorong oleh tingkah laku pemberian pinjaman yang lebih berhati-hati dalam kalangan bank.

Imbangan risiko terhadap pertumbuhan global terus cenderung ke arah pertumbuhan menjadi lebih perlahan. Risiko pertumbuhan menjadi perlahan ini berpunca daripada ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, inflasi yang lebih tinggi daripada jangkaan dan keadaan kewangan yang menjadi ketat secara mendadak, termasuk daripada tekanan selanjutnya dalam sektor perbankan. Sebaliknya, risiko pertumbuhan global menjadi lebih tinggi boleh berpunca daripada permintaan dalam negeri yang lebih kukuh daripada jangkaan di ekonomi-ekonomi utama.



Ekonomi Malaysia akan kekal berdaya tahan

Pertumbuhan akan didorong oleh permintaan dalam negeri meskipun terdapat rintangan luaran

Bagi tahun 2023, ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang dalam keadaan permintaan luaran yang lebih perlahan. Pertumbuhan ini akan didorong oleh permintaan dalam negeri yang disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik, aktiviti pelancongan yang lebih giat dan projek pelaburan berbilang tahun yang terus dilaksanakan. Keadaan kewangan domestik juga akan kekal kondusif untuk pengantaraan kewangan.

Risiko terhadap prospek pertumbuhan Malaysia agak seimbang. Risiko pertumbuhan menjadi lebih tinggi berpunca terutamanya daripada faktor-faktor dalam negeri seperti aktiviti pelancongan yang lebih kukuh daripada jangkaan serta pelaksanaan projek termasuk projek yang dinyatakan dalam pembentangan semula Belanjawan 2023. Sementara itu, risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan berpunca daripada pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan dan keadaan pasaran global yang semakin tidak menentu.

Tinjauan Makroekonomi



Inflasi keseluruhan dan inflasi teras akan menurun pada tahun 2023

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka menurun sepanjang tahun 2023 meskipun inflasi teras akan kekal tinggi

Bagi tahun 2023, inflasi keseluruhan dan inflasi teras diunjurkan menurun sepanjang tahun namun kekal tinggi pada purata antara 2.8% hingga 3.8%. Tahap inflasi yang sederhana ini sebahagian besarnya disebabkan oleh faktor-faktor kos global yang lebih rendah berikutan gangguan rantai bekalan yang semakin berkurang dan harga komoditi yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, inflasi teras akan kekal pada paras tinggi disebabkan oleh keadaan permintaan yang kukuh. Tekanan inflasi yang meningkat dijangka terus dibendung sebahagiannya oleh dasar dalam negeri yang sedia ada mengenai kawalan harga dan subsidi bahan api. Imbangan risiko terhadap prospek inflasi cenderung ke arah inflasi menjadi lebih tinggi kerana masih tertakluk pada perubahan pada langkah-langkah dasar dalam negeri mengenai harga barangan yang ditadbir serta perkembangan pasaran kewangan dan harga komoditi global.

Bahagian ini sengaja dibiarkan kosong

Tambahan

Jadual 1: KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2022 (%)	2022					2023
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1
		Pertumbuhan tahunan (%)					
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	93.1	4.4	13.0	13.2	6.8	9.2	4.6
Sektor swasta	75.5	4.3	15.4	14.4	7.8	10.3	5.6
<i>Penggunaan</i>	60.2	5.3	18.3	14.8	7.3	11.2	5.9
<i>Pelaburan</i>	15.3	0.4	6.3	13.2	10.3	7.2	4.7
Sektor awam	17.6	4.9	2.5	7.9	3.9	4.7	-0.3
<i>Penggunaan</i>	13.2	6.9	2.3	6.5	3.0	4.5	-2.2
<i>Pelaburan</i>	4.4	-1.1	3.2	13.1	6.0	5.3	5.7
Eksport bersih	5.5	-28.9	-29.0	26.2	23.0	-1.0	54.4
<i>Eksport Barangan dan Perkhidmatan</i>	74.6	12.3	15.9	21.5	8.6	14.5	-3.3
<i>Import Barangan dan Perkhidmatan</i>	69.1	16.1	20.1	21.1	7.2	15.9	-6.5
KDNK Benar	100.0	4.8	8.8	14.1	7.1	8.7	5.6
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	-	2.4	4.1	2.2	-1.7	-	0.9

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: KDNK Mengikut Kegiatan Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2022 (%)	2022					2023
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1
		Pertumbuhan tahunan (%)					
Perkhidmatan	58.3	6.4	11.9	16.7	9.1	10.9	7.3
Perkilangan	24.1	6.7	9.2	13.1	3.9	8.1	3.2
Pertanian	6.6	0.1	-2.3	1.2	1.1	0.1	0.9
Perlombongan	6.4	-2.2	-1.7	9.1	6.3	2.6	2.4
Pembinaan	3.5	-6.1	2.5	15.3	10.1	5.0	7.4
KDNK Benar	100.0	4.8	8.8	14.1	7.1	8.7	5.6

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3: Imbangan Pembayaran

	2022			2023
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Akaun semasa	5.7	27.5	55.1	4.3
(% daripada KDNK)	1.4	5.9	3.1	1.0
Barangan	44.2	57.7	186.0	39.9
Perkhidmatan	-18.3	-12.1	-56.4	-12.8
Pendapatan primer	-17.3	-11.6	-59.4	-16.9
Pendapatan sekunder	-2.9	-6.5	-15.1	-5.9
Akaun kewangan	31.8	-1.1	12.4	-2.4
Pelaburan langsung	22.5	-9.3	15.9	10.9
Aset	10.2	-24.1	-48.9	-2.5
Liabiliti	12.3	14.8	64.9	13.4
Pelaburan Portfolio	-8.9	-26.7	-50.6	-33.3
Aset	-13.7	-15.0	-30.5	-16.3
Liabiliti	4.8	-11.7	-20.1	-17.0
Derivatif kewangan	0.2	-1.7	-2.2	-0.9
Pelaburan lain	18.0	36.6	49.2	20.9
Kesilapan dan ketinggalan bersih	-24.6	-3.8	-13.6	-7.6
Imbangan Keseluruhan	12.8	22.5	53.4	-5.7

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 4: Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2022		2023
	Akhir Mac	Akhir Dis	Akhir Mac
	RM billion		
Jumlah Hutang Luar Negeri	1,110.8	1,144.7	1,168.7
Bersamaan USD bilion	264.3	260.7	264.7
Mengikut instrumen			
Bon dan nota	194.1	176.0	158.7
Peminjaman antara bank	192.9	218.6	231.9
Pinjaman antara syarikat berkaitan	146.4	155.2	162.6
Pinjaman	73.6	76.0	76.9
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	258.1	246.6	258.2
Deposit bukan pemastautin	105.2	111.6	127.9
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR) IMF	28.1	28.2	28.7
Lain-lain	112.4	132.6	123.9
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	681.7	663.0	667.2
Jangka pendek	429.0	481.6	501.5
Denominasi mata wang			
Ringgit	381.6	378.7	396.9
Asing	729.1	766.0	771.8
Jumlah hutang / KDNK (%)	69.4	63.9	64.5
Hutang jangka pendek / Jumlah hutang (%)	38.6	42.1	42.9
Rizab / Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	1.1	1.0	1.0

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Tambahan

Jadual 5: Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan

	2022		2023	2022		2023
	S1	S4	S1	S1	S4	S1
	Akhir tempoh (RM bilion)			Perubahan tahunan (%)		
Jumlah Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan¹	2,521.2	2,609.6	2,627.3	4.3	4.7	4.2
Bon korporat terkumpul ²	531.6	550.6	554.8	3.8	4.6	4.4
Pinjaman terkumpul ^{3,4}	1,989.6	2,059.0	2,072.5	4.4	4.7	4.2
Perniagaan	731.6	747.2	749.3	4.1	3.4	2.4
PKS	353.5	363.2	361.4	5.5	4.2	2.2
Bukan PKS	373.8	380.4	384.5	2.9	2.8	2.9
Isi rumah	1,258.0	1,311.8	1,323.1	4.6	5.5	5.2
Kredit kepada Perniagaan ⁵	1,263.2	1,297.8	1,304.1	4.0	3.9	3.2

¹ Mulai penerbitan Buletin Suku Tahunan S4 2022, kredit kepada sektor swasta bukan kewangan telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti data pembiayaan yang disalurkan untuk menjana kegiatan ekonomi dalam negeri. Data baharu ini menggantikan data pembiayaan bersih kepada sektor swasta yang digunakan sebelum ini.

² Termasuk kertas jangka pendek konvensional dan Islam, serta bon dan sukuk jangka panjang; tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, kerajaan, institusi kewangan dan institusi kewangan bukan bank.

³ Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.

⁴ Tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas tanpa rekursu.

⁵ Terdiri daripada pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan bon korporat terkumpul.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Tambahan

Jadual 6: Penunjuk Pinjaman¹

	2022			2023	2022			2023
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	Dalam tempoh (RM bilion)				Perubahan tahunan (%)			
Jumlah Sektor Swasta Bukan Kewangan²								
Permohonan pinjaman	312.1	322.8	1,398.5	355.9	7.3	-4.8	16.6	14.0
Kelulusan pinjaman	142.8	173.7	713.8	172.5	9.7	8.9	26.5	20.7
Pengeluaran pinjaman	493.1	559.3	2,106.4	530.3	4.7	11.7	16.3	7.5
Bayaran balik pinjaman	494.2	561.7	2,122.6	545.5	5.0	17.1	17.9	10.8
Antaranya:								
Perniagaan³								
Permohonan pinjaman	105.9	124.8	540.1	134.7	-5.6	11.1	18.9	27.2
Kelulusan pinjaman	56.4	86.5	336.5	74.3	-3.2	31.9	29.2	31.9
Pengeluaran pinjaman	384.4	437.2	1,647.9	405.0	3.0	12.1	14.8	5.3
Bayaran balik pinjaman	385.4	445.8	1,677.8	415.5	5.0	16.0	17.6	7.8
PKS								
Permohonan pinjaman	62.2	67.0	290.8	75.3	-9.4	-0.1	13.1	21.2
Kelulusan pinjaman	30.4	35.9	155.1	34.3	-5.5	13.0	18.8	12.9
Pengeluaran pinjaman	120.1	128.7	504.3	125.1	27.3	11.5	26.5	4.2
Bayaran balik pinjaman	116.6	125.0	494.9	122.5	28.7	13.9	26.6	5.1
Bukan PKS								
Permohonan pinjaman	43.3	57.6	247.6	59.3	-0.5	27.5	26.1	36.9
Kelulusan pinjaman	25.8	50.5	180.8	40.0	-0.8	49.6	39.4	54.6
Pengeluaran pinjaman	263.2	306.5	1,137.9	278.8	-5.5	12.0	10.1	6.0
Bayaran balik pinjaman	267.9	318.4	1,177.0	291.8	-2.5	16.3	14.1	8.9
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	206.2	198.0	858.4	221.1	15.5	-12.6	15.2	7.3
Kelulusan pinjaman	86.5	87.2	377.4	98.1	20.2	-7.1	24.1	13.5
Pengeluaran pinjaman	108.7	122.1	458.4	125.3	11.3	10.3	22.0	15.2
Bayaran balik pinjaman	106.9	115.9	444.7	130.0	5.2	21.5	19.0	21.6

¹ Pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

² Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul, dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.

³ Angka-angka bagi PKS dan bukan PKS tidak semestinya terjumlah menjadi jumlah angka bagi perniagaan berikutan perniagaan yang tidak dikelaskan mengikut saiz syarikat turut dimasukkan dalam pengiraan.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Tambahan

Jadual 7: Penunjuk Keberuntungan Sistem Perbankan

	2022		2023	2022		2023
	S1	S4	S1a	S1	S4	S1a
	%			Pertumbuhan tahunan (mata peratusan)		
Pulangan atas ekuiti ¹	10.9	12.4	11.4	2.6	2.9	0.5
Pulangan atas aset ¹	1.2	1.4	1.3	0.27	0.3	0.03
	RM juta			Pertumbuhan tahunan (%)		
Pendapatan faedah bersih ¹	14,794	16,173	14,863	4.4	10.2	0.5
Campur: Pendapatan berasaskan fi ¹	2,922	2,891	2,974	-8.4	-7.3	1.8
Tolak: Kos operasi ²	8,907	10,916	10,315	-22.2	16.2	15.8
Keuntungan operasi kasar	8,809	8,149	7,522	48.8	-3.1	-14.6
Tolak: Peruntukan jejas nilai ³ dan lain-lain	1,191	468	474	-22.8	-77.3	-60.2
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	7,618	7,680	7,049	74.0	21.1	-7.5
Campur: Pendapatan lain ¹	2,008	4,184	3,501	-26.2	74.8	74.3
Untung sebelum cukai¹	9,626	11,864	10,550	35.6	35.8	9.6

¹ Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Mulai tahun 2019, hasil teragregat kemudiannya diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Pelarasan ini dicatatkan dalam bahagian 'Pendapatan lain'. Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Buletin Suku Tahunan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% dan 10.7%.

² Merujuk kos kakitangan dan overhed.

³ Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8: Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful

	2022		2023	2022		2023
	S1	S4	S1a	S1	S4	S1a
	RM juta			Pertumbuhan tahunan (%) ²		
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan ¹	1,866	6,331	5,622	184.3	504.3	201.3
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan operasi	258	1,097	428	-63.6	209.4	65.7
Nisbah tuntutan (%)	63	52	64	8.6	-9.0	1.3

¹ Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keuntungan ITO dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

² Merujuk mata peratusan bagi pertumbuhan tahunan nisbah tuntutan

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 9: Kewangan Kerajaan Persekutuan¹

	2022			2023
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	62.7	86.8	294.4	76.2
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	26.6	14.3	25.9	21.5
Perbelanjaan mengurus	64.6	93.7	292.7	66.6
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	3.8	47.8	26.4	3.1
Akaun semasa	-1.9	-7.0	1.7	9.6
Perbelanjaan pembangunan bersih	16.6	24.7	70.2	26.2
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	8.6	86.0	10.9	57.7
Kumpulan Wang COVID-19 ²	5.4	15.9	31.0	-
Imbangan keseluruhan	-23.9	-47.5	-99.5	-16.6
Memo:				
Jumlah perbelanjaan bersih	86.6	134.3	393.8	92.8
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	-0.05	47.7	18.4	7.2
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	1005.8	1079.6	1079.6	1120.4
Hutang Dalam Negeri	736.6	821.5	821.5	849.2
Hutang Luar Negeri	269.2	258.1	258.1	271.2
<i>Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin</i>	244.4	233.1	233.1	246.2
<i>Peminjaman luar pesisir</i>	24.9	25.0	25.0	24.9

¹ Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

² Kumpulan wang khas yang ditubuhkan di bawah Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi dan rancangan pemulihan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia